



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG

Pendaftaran Ahli Farmasi (Pindaan) 1971

DR.124/1971

RANG UNDANG²

bernama

Suatu Akta bagi meminda Ordinan Pendaftaran Ahli Farmasi, 1951.

[]

MAKA INI-LAH DI-PERBUAT UNDANG² oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Ra'ayat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripada-nya, seperti berikut :

1. Akta ini boleh-lah di-namakan Akta Pendaftaran Ahli Farmasi (Pindaan), 1971. Tajok ringkas.
2. Ordinan Pendaftaran Ahli Farmasi, 1951 ada-lah dengan ini di-pinda seperti berikut : Pindaan. 62/51.

(1) Sekshen 6—

(a) Gantikan perenggan-kecil (i) perenggan (a) dalam sekshen-kecil (2) dengan yang berikut—

“(i) any person who holds any other pharmaceutical qualification deemed suitable for registration by the Minister after consulting the Board; or”.

(b) Masokkan perenggan² baharu (c) dan (d) yang berikut sa-lepas sahaja perenggan (b) sekshen-kecil (2)—

“(c) Any person registered under sub-paragraph (i) of paragraph (a) of this subsection may be subject to such restrictions and conditions as may be stipulated by the Minister and where any restrictions and conditions are so imposed the registration of that person shall have effect subject to such restrictions and conditions.

- (d) The restrictions and conditions stipulated by the Minister under the preceding paragraph may include restriction and condition providing for restricted registration whereby the registration of a person under sub-paragraph (i) of paragraph (a) of this subsection shall have effect only for such period as the Minister, after consulting the Board, may determine.”.

(2) Sekshen 8—

Masukkan perkataan yang berikut “section 6 (2) (c) and” sa-lepas sahaja perkataan “provisions of” yang terdapat dalam sekshen-kecil (2).

(3) Sekshen 11—

Nomborkan sa-mula sekshen ini sa-bagai sekshen 11 (1) dan masukkan sa-lepas-nya sekshen-kecil baharu (2) saperti berikut:

“(2) Where a person is admitted to the register subject to any restrictions and conditions pursuant to section 6 (2) (c) such restrictions and conditions shall be endorsed in his certificate of registration and the certificate so endorsed shall have effect subject to the restrictions and conditions specified therein.”.

(4) Sekshen 17—

Masukkan sekshen-kecil baharu (3) dan (4) yang berikut sa-lepas sahaja sekshen-kecil (2):

“(3) Where a person is registered pursuant to sub-paragraph (i) of paragraph (a) of section 6 (2) and his registration is subject to any restrictions and conditions imposed by the Minister pursuant to paragraph (c) of the aforementioned section, the name of such registered pharmacist may also be removed from the register by the Board—

- (a) if such registered pharmacist commits a breach of any of the restrictions and conditions under which he is registered; or
- (b) if the restriction and condition so imposed relate to the restricted registration of such registered pharmacist as described in paragraph (d) of section 6 (2) and the period within

which the restricted registration shall have effect has expired.

(4) Where the name of a registered pharmacist has been removed by the Board under the preceding subsection his annual certificate shall cease to have effect.”.

HURAIAN

Rang Undang² ini bertujuan untuk meminda Ordinan Pendaftaran Ahli Farmasi, 1951.

2. Peruntukan² dalam perenggan-kecil (i) perenggan (a) dalam seksyen-kecil (2) seksyen 6 Ordinan itu membenarkan sa-siapa yang mempunyai apa² kelulusan farmasi yang lain ia-itu bukan kelulusan yang tersebut dalam seksyen 6 (1) Ordinan itu di-daftarkan dengan syarat kelulusan tersebut di-anggap sesuai oleh Menteri untuk pendaftaran sa-lepas berunding dengan Lembaga Ahli Farmasi. Walau pun perlu orang² yang mempunyai kelulusan farmasi yang lain di-benar di-daftarkan untuk mengatasi kekurangan ahli farmasi berdaftar sekarang ini buat sementara waktu tetapi tidak-lah berfaedah kepada awam atau kepada profeshen farmasi sendiri untuk membenarkan orang² itu memperoleh pendaftaran yang tidak tersekat. Oleh yang demikian perlu-lah Menteri mengenakan sekatan² dan syarat² terhadap pendaftaran orang² tersebut termasuk sekatan dan syarat tempoh dalam masa bila pendaftaran orang itu akan berkuatkuasa. Pindaan bagi seksyen 6 Ordinan itu sa-bagaimana tersebut dalam *Fasal 2 (1)* akan membolehkan Menteri mengenakan apa² sekatan dan syarat yang di-fikirkan-nya patut.

3. Pindaan bagi seksyen 8, 11 dan 17 Ordinan itu ada-lah sa-mata² berbangkit dari peruntukan yang baharu itu berkenaan dengan sekatan² dan syarat² yang di-kenakan oleh Menteri berkenaan dengan pendaftaran di-bawah seksyen 6 (2) (a) (i). [PN. (U²) 72.]